

**UMNO Sabah mahu perjuangkan amanat
Utusan Online
December 5, 2011**

KOTA KINABALU 4 Dis. – UMNO Sabah akur dengan gesaan Datuk Seri Najib Tun Razak agar seluruh ahli parti memiliki semangat berpasukan, tidak mengkhianati sesama sendiri serta setia kepada parti bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) nanti.

Pengerusinya, Datuk Seri Musa Aman berkata, amanat tersebut akan dipegang dan ditanam sepenuhnya dalam diri ahli UMNO Sabah yang sememangnya menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri.

Katanya, tidak perlu lagi timbul masalah persengketaan dalam kalangan ahli, sebaliknya berusaha mencari jalan penyelesaian dan memperbaiki hubungan sesama ahli serta rakan daripada parti komponen lain.

“Apa yang penting, kita berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik dan jangan sesekali mahu berbalah yang hanya membuang masa kita dengan isu-isu remeh-temeh, akhirnya melemahkan parti dan merugikan diri kita sendiri.

“Selain itu, kita perlu mengeneipikan sifat mengutamakan kepentingan diri lebih daripada perjuangan parti kerana UMNO merupakan pembela sebenar nasib anak bangsa dan negara tercinta,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_13.htm